

09 SEP 1998

Sanusi - Reformasi

PEMUDA DAN WANITA UMNO KEDAH BERSEMINAR REFORMASI DIRI

ALOR SETAR, 9 Sept (Bernama) -- Pemimpin Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Kedah akan ditanam sikap reformasi diri iaitu menjadi pemimpin yang amanah dan mempunyai amalan yang baik, kata Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah berkata, reformasi diri adalah sangat penting dan tujuannya adalah supaya pemimpin melihat diri sendiri, mengenalpasti kelemahan dan memperbaikinya.

Sehubungan itu satu khemah kerja selama empat hari akan diadakan di Tasik Pedu mulai 25 Sept ini yang akan disertai semua anggota jawatankuasa Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di Kedah, katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mengulas mengenai penerimaan rakyat Kedah khususnya anggota Umno terhadap pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Sanusi berkata secara umumnya mereka memahami tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ada yang telah dapat menerima perkara itu sepenuhnya, ada yang masih diperingkat mahu menerima serta memerlukan sedikit waktu lagi dan terdapat juga yang belum boleh menerimanya," katanya.

Beliau berkata perkara itu memerlukan masa dan lama-kelamaan semua orang dapat menerimanya dan Umno Kedah tidak akan mengadakan ceramah khusus kepada anggotanya bagi menerangkan perkara itu.

"Buat permulaan ini ramai yang terkejut. Nasihat saya bertenang dan jangan panik, masa akan menjelaskan segalanya," katanya.

Daripada dibelenggu dengan isu itu, lebih baik rakyat Kedah menumpukan kepada program keagamaan dan kerja kemasyarakatan seperti memerangi gejala dadah, katanya.

Sanusi berkata peruntukkan sejumlah RM3.33 juta telah diluluskan bagi membina 222 gerai di 222 masjid termasuk 22 di Langkawi, dalam satu lagi usaha mengimarahkan masjid selepas program belajar di masjid yang telah berjaya menarik minat lebih 50,000 pelajar.

Setiap kedai yang dibina secara gotong royong akan diberi peruntukkan sebanyak RM15,000. Kedai-kedai itu akan menjual barangan keperluan harian.

-- BERNAMA

MZM WAT